

11/10/2002

Anwar enggan terima notis muflis

KUALA LUMPUR, Khamis - Peguam Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menuntut kos undang-undang daripada Datuk Seri Anwar Ibrahim gagal menyerahkan notis muflis kepada bekas Timbalan Perdana Menteri itu di Penjara Sungai Buloh.

Anwar yang kini menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan rasuah, enggan menerima notis itu yang ingin diserahkan oleh Peguamcara dan Peguambela Tetuan Adnan Sundra dan Low yang mewakili Dr Mahathir dalam kes saman malu.

Peguam Anwar, S N Nair berkata, pihak Penjara Sungai Buloh mengesahkan Anwar enggan menerima notis yang ingin diserahkan oleh wakil firma guaman itu.

Nair berkata, beliau menerima surat daripada firma guaman itu pada 5 September lalu berhubung tuntutan kos undang-undang di Mahkamah Rayuan sebanyak RM35,385.

"Saya sudah maklumkan perkara itu kepada Anwar dalam pertemuan Isnin lalu dan anak guam saya tetap dengan pendirian tidak mahu membayar kos itu," katanya di sini hari ini.

Pada 26 April lalu, Mahkamah Rayuan memerintahkan Anwar membayar kos sebanyak RM35,381 kepada Dr Mahathir berhubung rayuan saman malunya sebanyak RM100 juta yang ditolak Mahkamah Tinggi pada 9 Disember 1999.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan, Mohd Nasir Yahya membuat keputusan itu.

Dalam samannya, Anwar mendakwa Dr Mahathir pada 22 September 1998 secara palsu dan dengan niat jahat bercakap kepada wartawan asing dan tempatan dalam sidang akhbar menuduhnya melakukan tindakan tidak bermoral.